

LUBUK ANTU, (BAHAGIAN KEDUA), 21 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYELAR SEGOLONGAN ORANG YANG MENGGUNAKAN ALASAN MEMELIHARA ALAM SEMULA JADI UNTUK MENYEKAT PEMBANGUNAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA, GOLONGAN ITU YANG KONONNYA PENCINTA ALAM CUBA MEMPENGARUHI PENDUDUK SETEMPAT DIMANA PROJEK-PROJEK SAPERTI HIDRO ELEKRIK DIRANCANG UNTUK DILAKSANAKAN, DENGAN MERACUNI FIKIRAN MEREKA SUPAYA TIDAK MENYOKONG ATAU TIDAK MEMBENARKAN PROJEK ITU DILAKSANAKAN.

SEMASA BERUCAP MERASMIKAN JANAKUASA ELEKTRIK HIDRO BATANG AI DI SINI, BELIAU KESAL KERANA GOLONGAN +PENCINTA ALAM+ ITU MERUPAKAN GOLONGAN RAKYAT YANG TELAH MAJU DAN MENDAPAT PELUANG KERJA YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN.

SEBALIKNYA, KATANYA, SETELAH MEREKA MENDAPAT NIKMAT DARIPADA PENGORBANAN ORANG LAIN DAN DARIPADA DASAR KERAJAAN, MEREKA TELAH MENGGUNAKAN KESENANGAN YANG ADA PADA MEREKA UNTUK CUBA MENYEKAT PIHAK LAIN, KHUSUSNYA PENDUDUK TEMPATAN, DARIPADA TURUT MENIKMATI KEMAJUAN YANG AKAN DIBAWA OLEH PROJEK YANG DIRANCANGKAN.

+ KITA BUKANNYA SEBUAH NEGARA YANG KAYA. KITA MEMERLUKAN KEPADA KUASA ELEKTRIK UNTUK MEMPERKAYAKAN.

+ GOLONGAN +PENCINTA ALAM+ ITU SEOLAH-OLAH MENGANGGAP KITA SUDAH KAYA DAN BOLEH BEREHAT UNTUK MELIHAT ALAM YANG CANTIK SEDANGKAN SEBALIKNYA RAKYAT MASIH MENDERITA.

+ KITA TIDAK MAHUKAN KECANTIKAN ALAM SELAGI PERUT KITA LAPAR DAN RUMAH TIDAK ADA KESELESAAN, DAN KEBERSIHAN BELUM DIPEROLEHI,+ KATANYA. -- LAGI.

1922MST 21 08 85

D896

U B793 AAB
MAHATHIR-HIDRO 2 LUBUK ANTU

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN, PROJEK BATANG AI INI TELAH DIRANCANG DAN DILAKSANAKAN UNTUK MEMAJUKAN NEGARA SUPAYA DARI KEMAJUAN ITU KERAJAAN DAPAT MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS YANG MEMBERI FAEDAH KEPADA RAKYAT KESELURUHANNYA.

PROJEK-PROJEK HIDRO ADALAH UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAN BUKANNYA KEPENTINGAN KERAJAAN, TAMBAHNYA.

GOLONGAN YANG MENENTANG PEMBINAAN PROJEK-PROJEK SEUMPAMA ITU DENGAN MENGGUNAKAN ALASAN MEMELIHARA KECANTIKAN SEMULA JADI SEBENARNYA ADALAH GOLONGAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB YANG INGIN MENGANIAYA RAKYAT UNTUK TIDAK MENDAPAT NIKMAT DARI USAHA-USAHA PEMBANGUNAN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI MEMINTA PENDUDUK YANG AKAN TERBABIT DENGAN PROJEK-PROJEK HIDRO SUPAYA BERSEDIA BERKORBAN SEDIKIT. BAGAIMANAPUN PENGORBANAN MEREKA AKAN DIPAYAR OLEH KERAJAAN MENERUSI PAMPASAN SELAIN KEMUDAHAN YANG AKAN DIPEROLEHI SAPERTI PELUANG PEKERJAAN YANG TERDAPAT DI PROJEK ITU.

INI DENGAN JELAS MENUNJUKKAN MEREKA YANG TERBABIT YANG MANA TANAH MEREKA DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MENJAYAKAN PROJEK ITU SEBENARNYA TIDAK MENGALAMI KERUGIAN, MALAH MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN DARIPADA PEMBAYARAN PAMPASAN, MENIKMATI KEMAJUAN DAN MENDAPAT PEKERJAAN. -- LAGI.

1939MST 21 08 85

U B794 AAB
MAHATHIR-HIDRO 3 LUBUK ANTU

MENGENAI KEKAYAAN DARIPADA SUMBER-SUMBER HIDRO DAN MINYAK
SAPERTI YANG TERDAPAT DI SABAH, SARAWAK DAN TERENGGANU, IANYA
BUKANLAH UNTUK DINIKMATI SEMATA-MATA OLEH RAKYAT DI NEGERI-NEGERI
BERKENAAN TETAPI SEHARUSNYA KEKAYAAN ITU HENDAKLAH DIAGEH-AGEHKAN
KEPADA SELURUH NEGARA.

MENGENAI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK HIDRO DI SARAWAK, DATUK SERI
DR. MAHATHIR MENARIK PERHATIAN BAHAWA IA DAPAT MENGHASILKAN 80,000
MEGAWAT SEKIRANYA DILAKSANAKAN DI SUNGAI-SUNGAI DI NEGERI INI.

BAGAIMANAPUN, RAKYAT NEGERI INI HARUSLAH SANGGUP BERKORBAN
APABILA DILAKSANAKAN KELAK. BAGAIMANAPUN, INI BERGANTUNG KEPADA
KEUPAYAAN KEWANGAN NEGARA.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK BERMINAT UNTUK MENGADAKAN PENJANAAN
KUASA NUKLEAR MANAKALA PENJANAAN MENGGUNAKAN BAHAN API PULA TIDAK
BOLEH BERTERUSAN KERANA HARGANYA YANG KIAN MENINGKAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERADA DI SARAWAK UNTUK LAWATAN LIMA
HARI DAN ESOK BELIAU DIJADUAL MERASMIKAN BANGUNAN SABERKAS DI
KUCHING.

YANG TURUT HADIR DIPERASMIAN HARI INI IALAH KETUA MENTERI, DATUK
PATI UGGI HAJI TAIB MAHMUD, MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS, DATUK LEO
MOGGIE, DAN MENTERI PERTANIAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM. -- BERNAMA.

1941MST 21 08 85